

08 DISEMBER 2017

Tiga termasuk pasangan suami isteri ditahan miliki pistol, dadah

Tiga termasuk pasangan suami isteri ditahan miliki pistol, dadah

Oleh NOOR HASLIZA NUSI

GEORGE TOWN - Polis Pulau Pinang membongkar satu sindiket mengedar dadah ketamin dan heroin di negeri ini dan merampas empat pucuk pistol bersama 151 butir peluru hidup termasuk sepasang suami isteri di sebuah rumah di Taman Idaman, Simpang Ampat, Seberang Perai Selatan di sini kelmarin.

Ketiga-tiga suspek yang ditahan termasuk lelaki berusia 38 tahun, isterinya yang berusia 33 tahun dan kakak angkat pasangan itu yang berusia 59 tahun.

Mereka diberkas pada pukul 3 pagi oleh sepasukan polis Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Ibu Pejabat Polis Daerah Seberang Perai Selatan (IPD SPS).

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman, Datuk Seri Mohamad Salleh berkata, semasa serbuan, polis merampas tiga pekuk plastik berisi serbuk dan ketulan dadah



MOHMAD (dua dari kanan) bersama pegawai-pegawainya menunjukkan empat pucuk pistol yang dirampas bersama 151 butir peluru hidup pada sidang akhbar di IPK Pulau Pinang, George Town semalam.

ketamin serta dua bungkusan heroin yang kesemuanya berharga RM11,500.

"Pemeriksaan lanjut menjumpai empat pucuk pistol bersama 151 butir peluru hidup pelbagai jenis serta tiga pasang gari. Se-

mua senjata api itu disimpan di dalam kotak di rumah itu," kata beliau pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) negeri di sini semalam.

Menurut beliau, suspek lelaki itu merupakan seorang

penganggur dan dia dipercayai bertindak sebagai pengedar dadah di kawasan Seberang Perai Selatan sejak setahun lalu.

Turut disita dalam serbuan tersebut ialah sebuah kereta jenis Perodua Myvi, sebuah motosikal Honda, seutas jam tangan dan wang tunai bernilai RM1,700. Jumlah keseluruhan harta yang disita adalah RM34,700.

Difahamkan, pistol dan peluru yang dirampas adalah jenis senjata api lama manakala gari tersebut dibeli suspek-suspek dari negara jiran.

Mengulas lanjut mengenai suspek lelaki itu, Mohamad memberitahu, lelaki terbabit mempunyai lima rekod jenayah berkaitan dadah dan jenayah mencuri motosikal.

"Suspek itu juga merupakan tahanan

di bawah Akta Pencegahan Jenayah (POCA) dengan memakai Peranti Pengawasan Elektronik (EMD)," kata beliau.

Jelas beliau, kesemua suspek kini ditahan reman sehingga 12 Disember ini bagi membantu siasatan berhubung penemuan dadah dan pistol.

Info Solat		8 DISEMBER 2017 19 RABIULAWAL 1439H					
	SUBUH	SYURAH	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISHA	
K. LUMPUR	5:46	7:06	1:08	4:30	7:04	8:19	
SHAH ALAM	5:46	7:06	1:08	4:30	7:04	8:19	
SEREMBAN	5:43	7:05	1:06	4:29	7:05	8:19	
MELAKA	5:42	7:04	1:05	4:29	7:04	8:19	
JOHOR BAHRU	5:34	6:57	12:59	4:23	6:59	8:14	
IPOH	5:51	7:10	1:11	4:33	7:06	8:20	
P. PINANG	5:54	7:14	1:13	4:35	7:06	8:21	
ALOR SETAR	5:56	7:16	1:13	4:34	7:05	8:20	
K. TERENGGANU	5:42	7:05	1:02	4:23	6:55	8:10	
KOTA BHARU	5:52	7:10	1:05	4:27	6:58	8:09	
KUANTAN	5:40	7:00	1:02	4:25	7:00	8:14	
KANGAR	5:55	7:18	1:13	4:34	7:05	8:19	
TAWAU	4:43	6:06	12:03	3:26	5:59	7:13	
KOTA KINABALU	4:50	6:14	12:07	3:28	6:08	7:14	
KUCHING	5:09	6:28	12:34	3:58	6:34	7:48	
MIRI	4:57	6:15	12:19	3:41	6:15	7:29	

*Kawasan-kawasan seawaktu dengarnya